

Didapati bersalah merogol amah warga Indonesia pada 2019

ADUN dijej 13 tahun, dua sebatan

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh, Paul Yong Choo Kiong dihukum penjara 13 tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah merogol pembantu rumahnya warga Indonesia tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap Choo Kiong, 52, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman itu sementara menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan dengan menaikkan jumlah jaminan daripada RM15,000 kepada RM30,000.

Bekas Exco kerajaan negeri itu juga dikehendaki menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Hakim Abdul Wahab dalam penghakimannya berkata, pembelaan yang dikemukakan adalah bersifat penafian semata-mata.

“Berdasarkan alasan yang dinyatakan, mahkamah mendapati pihak pendakwa menjeraya membuktikan semua elemen daripada keterangan saksi dan disokong dokumen. Pembelaan pula gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwa,” katanya.



CHOO KIONG (dua dari kanan) dibawa keluar selepas didapati bersalah merogol pembantu rumah warga Indonesia oleh Mahkamah Tinggi Ipoh semalam.

Pada prosiding sama, Hakim Abdul Wahab turut menegur perbuatan Choo Kiong yang disifatkan tidak berperikemanusiaan kerana merogol pembantu rumahnya.

“Sebagai majikan, Choo Kiong sepatutnya memberi perlindungan kepada mangsa yang merupakan wanita warga asing.

“Akan tetapi, OKT (orang kena

tuduh) telah bertindak tanpa perikemanusiaan menjadi perusak masa depan mangsa semata-mata demi memenuhi nafsu serakahnya. Harapkan pagar, pagar makan padi,” kata beliau.

Terdahulu, Peguam Datuk Rajpal Singh memohon hukuman minimum tanpa sebatan mengambil kira khidmat bakti

tertuduh yang banyak melakukan kerja-kerja kebajikan sepanjang sembilan tahun bergelar Yang Berhormat.

Pengarah Pendakwa Negeri Perak, Azlina Rasdi bagaimanapun mencadangkan hukuman setimpal mengambil kira status OKT sebagai pemimpin yang sepatutnya menunjukkan te-

Nasib ADUN Tronoh diketahui hari ini

IPOH – Penda Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh Paul Yong Choo Kiong berhadapan dengan tuntutan penjara 13 tahun dan dua sebatan selepas didapati bersalah merogol pembantu rumahnya warga Indonesia tiga tahun lalu.



KERATAN Kosmo! semalam.

ladan yang baik selain perbuatan itu menganiaya dan menjatuhkan maruah mangsa yang mencari rezeki halal di negara ini.

Pada 7 Disember 2021, Mahkamah Tinggi memerintahkan Choo Kiong membela diri atas tuduhan merogol pembantu rumah pada Julai 2019.

Pada 23 Ogos 2019, bekas Pengerusi Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hai Ehwat Bukan Islam dan Kampong Baharu negeri itu didakwa merogol seorang wanita di dalam sebuah bilik di tingkat atas sebuah rumah di Meru Desa Park, Bandar Meru Raya di sini.

Perbuatan dilakukan pada pukul 8.15 hingga 9.15 malam, 7 Julai 2019.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.